

02/11/2003

Dr Mahathir, isteri bercuti di Sepanyol

SUBANG: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali memulakan percutian semalam selepas persaraan beliau secara rasmi bermula Jumaat lalu.

Tun Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah berlepas ke Sepanyol dari Pangkalan Tentera Udara Malaysia (TUDM) Subang kira-kira jam 9.20 pagi semalam.

Beberapa Menteri Kabinet serta beberapa Timbalan Menteri hadir bagi mengucapkan selamat bercuti kepada Dr Mahathir dan isteri. Beliau juga menerima ucapan selamat jalan daripada ahli keluarga termasuk anak, menantu dan cucu.

Tidak ketinggalan bekas pegawai yang pernah berkhidmat sepanjang beliau memegang jawatan, selaku Perdana Menteri Malaysia yang keempat.